

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ALVIRA
2. Bagaimana ALVIRA berfungsi
3. Sebelum mengambil ALVIRA
4. Cara menggunakan ALVIRA
5. Semasa menggunakan ALVIRA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan nama produk
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan ALVIRA

ALVIRA digunakan untuk merawat pesakit demensia jenis *Alzheimer* yang ringan atau sederhana. Ubat ini juga digunakan untuk merawat pesakit demensia yang dikaitkan dengan penyakit *Parkinson's* yang ringan hingga sederhana teruk

Bagaimana ALVIRA berfungsi

Rivastigmine iaitu bahan aktif ALVIRA menghalang degradasi sejenis bahan kimia yang dipanggil *acetylcholine* yang hadir dalam laluan saraf kita. *Rivastigmine* menghalang enzim yang merosakkan *acetylcholine*, memanjangkan tindakanya di laluan saraf. Ini menambah baik fungsi *acetylcholine* dan defisit kognitif dalam demensia dikaitkan dengan penyakit *Alzheimer* dan penyakit *Parkinson*

Sebelum mengambil ALVIRA

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan ubat ini sekiranya anda sensitif atau alah kepada bahan aktif atau bahan lain yang terkandung ubat ini

-Sebelum mula mengambil

Kejadian atau keterukan kesan sampingan meningkat dengan dos yang lebih tinggi. Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah gastrik kerana ALVIRA boleh meningkatkan rembesan asid gastrik. Doktor anda harus berjaga-jaga

sekiranya anda mempunyai apa-apa masalah jantung

Beritahu doktor anda sekiranya anda mempunyai sejarah asma atau keadaan paru-paru yang dipanggil *obstructive pulmonary disease*

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, sedang merancang keluarga atau sedang menyusu bayi. Walaupun kajian amat terhad pada golongan ini, pengambilan ALVIRA tidak digalakkan kecuali dinasihati doktor anda.

Beritahu doktor jika anda mengalami, atau pernah mengalami degupan jantung tidak teratur atau perlahan, pemanjangan QTc, sejarah keluarga yang mempunyai pemanjangan QTc, *torsade de pointes*, atau mempunyai kalium atau magnesium yang rendah. Doktor anda mungkin perlu memantau anda dengan lebih teliti semasa anda menggunakan ubat ini.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor, doktor gigi atau ahli farmasi anda tentang ubat yang diambil sebelum mengambil ALVIRA kerana mungkin ada potensi interaksi ubat-ubatan.

Awas apabila ALVIRA diambil bersamasama dengan ubat yang memanjangkan sistem elektrik jantung (interval QT) (termasuk tetapi tidak terhad kepada quinidine (ubat yang digunakan untuk merawat degupan jantung yang tidak teratur), amiodarone (ubat yang digunakan untuk merawat degupan jantung tidak teratur yang serius/fatal), pimozide (ubat berfungsi pada sistem saraf pusat), halofantrine (ubat antimalaria), cisapride (ubat yang digunakan untuk merawat gejala pedih ulu hati pada waktu malam), citalopram (ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan), mizolastin (ubat *antihistamine*), ubat yang digunakan untuk merawat jangkitan kuman seperti moxifloxacin, erythromycin). Doktor anda mungkin akan memantau keadaan

klinikal anda mengikut keperluan.

Cara menggunakan ALVIRA

-Berapa banyak harus digunakan

Dos ALVIRA anda akan ditentukan oleh doktor anda. Arahkan pengambilan ubat ini adalah sangat penting untuk mendapat kesan rawatan yang baik. ALVIRA harus diambil selepas makan dan kapsul harus ditelan dengan sepenuhnya

-Bila perlu digunakan

ALVIRA harus diambil dua kali sehari, selepas sarapan dan makan malam

-Berapa lama perlu digunakan

ALVIRA harus diambil selama disyorkan doktor anda. Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa berunding dengan doktor anda terlebih dahulu

-Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda terlupa mengambil ubat anda. Jangan gantikan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan rawatan perubatan dengan segera sekiranya anda terlebih dos atau disyaki mengambil dos yang berlebihan

Semasa menggunakan ALVIRA

-Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil ALVIRA. Gunakan ubat anda seperti yang diarahkan doktor anda. Cara pengambilan ubat biasanya tertera pada kotak ubat. Sekiranya anda kurang pasti, dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini diberikan khas untuk anda. Jangan kongsi ubat ini dengan sesiapa walaupun mereka

mempunyai gejala yang sama seperti anda kerana ia boleh membahayakan mereka

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Rivastigmine boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera terutamanya apabila mula-mula mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan yang paling biasa dialami ialah kesan pada usus, termasuk loya dan muntah-muntah terutamanya apabila mula mengambil ubat ini.

Kesan sampingan yang lain termasuk sakit kepala, kerengsaan, kekeliruan dan kebimbangan. Keletihan, hilang berat badan dan gegaran juga boleh dialami.

Kesan sampingan yang jarang berlaku termasuk sawan, sakit dada, pendarahan usus dan ruam.

Kesan sampingan yang sangat jarang berlaku ialah halusinasi, denyutan jantung yang tidak teratur dan tekanan darah tinggi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Jauhkan ubat dari capaian dan penglihatan kanak-kanak. Jangan ambil ubat ini selepas tamat tarikh luputnya yang tertera pada kotak ubat. Simpan dibawah suhu 30°C.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk

melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Kapsul ALVIRA 1.5

berwarna kuning dan bersaiz '2' ditandakan dengan dakwat hitam dengan 'H' pada penutup dan '67' pada badankapsul. Serbuk berbutir putih terkandung dalam kapsul.

Kapsul ALVIRA 3 berwarna jinggadan bersaiz '2' ditandakan dengan 'H' pada penutup dan '68' pada badan kapsul. Serbuk berbutir putih terkandung dalam kapsul.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Rivastigmine Hydrogen Tartarate
- Bahan tidak aktif
Microcrystalline cellulose, hypromellose, colloidal anhydrous silica, magnesium stearate, gelatin, yellow iron oxide, red iron oxide, sodium lauryl sulfate, purified water, shellac dan black iron oxide

-Nombor MAL

ALRIVA 1.5 (Rivastigmine Capsules 1.5 mg):
MAL18046139AZ

ALRIVA 3 (Rivastigmine Capsules 3 mg): MAL17117030AZ

Pengilang

Aurobindo Pharma Limited
Unit-VII, SEZ, TSIIC, Plot. No. SI,
Survey No's: 411/P, 425/P, 435/P &
458/P, Green Industrial Park,
Polepally Village, Jedcherla
Mandal, Mahaboob Nagar District,
Telangana State, India

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
74-3, Jalan Wangsa Delima 6, KLSC
Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

-11/07/2024

Nombor Siri

NPRA(R2/1)240710/1303